Zainun bte Hj Dahan lwn Rakyat Merchant Bankers Bhd & Satu lagi

A

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — USUL PEMULA NO R2-25-46 TAHUN 1995
NIK HASHIM PK
18 JUN 1997

B

Acara Sivil — Luar Aturan — Pemefailan notis usul tidak di dalam Bahasa Melayu — Notis usul difailkan dalam Bahasa Inggeris — Sama ada notis usul terbatal — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 92 k 1 — Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 s 8

C

Pemohon telah memohon untuk pelanjutan masa untuk meminta kebenaran bagi mendapatkan perintah certiorari dan mandamus di luar tempoh enam minggu yang ditetapkan melalui notis usul ('lampiran 3') yang difailkan dalam Bahasa Inggeris. Tidak ada permohonan dalam teks Bahasa Melayu difailkan di mahkamah. Isu di hadapan mahkamah adalah sama ada lampiran 3 patut dibatalkan kerana ia bertentangan dengan peruntukan A 92 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT').

D

Diputuskan, membatalkan notis usul:

E

Aturan 92 k 1 KMT memperuntukkan bahawa notis usul hendaklah disediakan dalam Bahasa Melayu. Lampiran 3 bukanlah satu dokumen yang berupa ekshibit yang boleh digunakan dalam Bahasa Inggeris. Perkataan 'hendaklah' dalam k 1 menjadikan peruntukan itu mandatori untuk dipatuhi. Kegagalan mematuhi peruntukan itu mengakibatkan lampiran 3 terbatal.

F

Tambahan lagi, pemfailan lampiran 3 dalam Bahasa Inggeris melanggar s 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967. Penggunaan Bahasa Melayu di mahkamah tidak boleh dipermudahkan dan diambil ringan. Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa bahasa kebangsaaan negara ialah Bahasa Melayu. Dengan peruntukan undang-undang di atas, maka keraguan atas penggunaan Bahasa Melayu dalam prosiding mahkamah tidak boleh dipersoalkan lagi. Jadi, penggunaannya hendaklah dilaksanakan dengan ketatnya oleh semua pihak. Mahkamah hendaklah memainkan peranannya dengan melaksanakan kuasanya dengan sewajarnya. Kaedah-kaedah Mahkamah termasuk A 92 k 1 adalah digubal bukan untuk hiasan tetapi untuk dipatuhi supaya prosiding di mahkamah dapat berjalan dengan sempurna. Ketidakpatuhan kepada peraturan atau kaedah-kaedah mahkamah akan membawa prosiding di mahkamah menjadi kelam kabut. Permohonan di lampiran 3 adalah sungguh tidak teratur dan ia tidak boleh diterima dan dipertimbangkan oleh mahkamah sama sekali. Oleh itu, lampiran 3 dibatalkan (lihat ms 535D–I dan 536C).

G

H

I

Obiter:

Di dalam kes ini, permohonan pelanjutan masa telah digabungkan bersekali dengan permohonan meminta kebenaran untuk

mendapatkan perintah certiorari dan mandamus. Penggabungan ini menyalahi peraturan kerana permohonan meminta kebenaran untuk perintah-perintah tersebut mestilah dibuat secara ex parte kepada mahkamah (A 53 k 1(1) dan (2) KMT) manakala permohonan untuk pelanjutan masa adalah melalui notis usul. Maka, permohonan pelanjutan masa hendaklah dibuat dahulu secara berasingan dengan permohonan meminta kebenaran, kerana proses bagi memulakan prosiding bagi kedua-dua permohonan tersebut adalah berbeza. Selepas mendapat kebenaran pelanjutan masa, maka permohonan untuk kebenaran untuk mendapatkan perintah certiorari dan mandamus barulah boleh dibuat (lihat ms 534G–I).

[**English summary**

The applicant had applied for extension of time seeking leave to obtain an order of certiorari and mandamus outside the six-week period stipulated vide a notice of motion ('encl 3') which was filed in English. No application in the Malay language text was filed in court. The issue before the court was whether encl 3 should be struck out because it was contrary to the provision of O 92 r 1 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC').

Held, striking out the notice of motion:

Order 92 r 1 of the RHC provides that a notice of motion shall be in the national language. Enclosure 3 was not a document in the form of an exhibit which could be used in English. The word 'shall' in r 1 rendered the provision mandatory for compliance. Failure to comply with the provision resulted in encl 3 becoming a nullity.

Furthermore, the filing of encl 3 in English was contrary to s 8 of the National Language Act 1963/1967. The use of the national language in courts cannot be understressed and taken lightly. The Federal Constitution stipulates that the national language is the Malay language. With the above legal provisions, doubts as to the usage of the national language in court proceedings can no longer be impugned. Hence, its usage shall be implemented strictly by all parties. The court shall play its role by exercising its power properly. Rules of court including O 92 r 1 were enacted not as ornaments but to be followed so that proceedings in court can run smoothly. Non-compliance of regulations or rules of court would lead to proceedings in court becoming chaotic. The application in encl 3 was irregular and it could not be accepted and considered by the court at all. Therefore, encl 3 was struck out (see pp 535D–I and 536C).

Obiter:

In this case, the application for extension of time had been consolidated together with the application for leave to obtain an order of certiorari and mandamus. This consolidation was against the rules because an application seeking leave for those orders must be made ex parte immediately to the court (O 53 rr 1(1) and (2) of the RHC) whilst the application for extension of time is by a notice of motion.

Therefore, the application for extension of time shall be made earlier and separately from the application for leave, because the process for commencing proceedings for both applications was different. Only after such leave for extension of time had been obtained could the application for leave to obtain an order of certiorari and mandamus be made (see p 534G–I).] A B

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai luar aturan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 1795–1822.

Kes yang dirujuk C

Sykt Telekom Malaysia Bhd v Business Chinese Directory Sdn Bhd [1994] 2 MLJ 420 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 s 8 D
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 k 1(1), (2), A 92 k 1
Perlembagaan Persekutuan perkara 152

P Kuppusamy (*P Kuppusamy & Co*) bagi pihak pemohon.
Mazlinda bte Makhzan (*Ng Yook Woon Andrew TC Saw & Co*) bagi E pihak penentang.

Cur Adv Vult

Nik Hashim PK: Pemohon, Zainun bte Hj Dahan, seorang bekas pekerja bank penentang, telah memohon melalui 'notice of motion' di lampiran 3 F untuk pelanjutan masa untuk meminta kebenaran bagi mendapatkan perintah certiorari dan mandamus di luar tempoh enam minggu yang ditetapkan. Adalah diperhatikan bahawa permohonan pelanjutan masa ini digabungkan bersekali dengan permohonan meminta kebenaran untuk mendapatkan perintah certiorari dan mandamus. Penggabungan ini, pada G hemat saya, menyalahi peraturan kerana permohonan meminta kebenaran untuk perintah-perintah tersebut mestilah dibuat secara ex parte kepada mahkamah (sila lihat A 53 k 1(1) dan (2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT')) manakala permohonan untuk pelanjutan masa adalah melalui notis usul. Maka, permohonan pelanjutan masa hendaklah dibuat dahulu secara berasingan dengan permohonan meminta kebenaran, H kerana proses bagi memulakan prosiding bagi kedua-dua permohonan tersebut adalah berbeza. Selepas mendapat kebenaran pelanjutan masa, maka permohonan untuk kebenaran untuk mendapatkan perintah certiorari dan mandamus barulah boleh dibuat.

Walau apa pun, apa yang ketara berlaku dalam kes ini ialah lampiran 3 I itu sendiri, iaitu 'notice of motion', telah difailkan dalam Bahasa Inggeris. Begitu juga dengan pernyataan yang telah difailkan di bawah A 53 k 1(2) KMT dan afidavit sokongan — semuanya ini telah difailkan dalam Bahasa Inggeris. Tidak ada permohonan dalam teks bahasa kebangsaan, iaitu

Bahasa Melayu telah difailkan dalam mahkamah. Encik P Kuppusamy, peguamcara bagi pihak pemohon, mengesahkan ketiadaannya. Cik Maslinda bte Makhzan, bagi pihak penentang, walau bagaimanapun, sedikit pun tidak membangkitkan apa-apa bantahan terhadap lampiran 3. Jadi, mahkamah dalam keadaan sedemikian bertindak dengan membatalkan lampiran 3 kerana ia bertentangan dengan peruntukan A 92 k 1 KMT yang berbunyi:

> Apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk kegunaan menurut Kaedah-Kaedah ini hendaklah dalam bahasa kebangsaan, dan boleh disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris:
>
> Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen dalam bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai ekshibit, dengan atau tanpa terjemahannya dalam bahasa kebangsaan.

Lampiran 3 ialah satu dokumen mengenai cara memulakan prosiding di mahkamah. Ia disebut sebagai notis usul. Oleh itu, dengan peruntukan A 92 k 1 KMT, ia hendaklah disediakan dalam Bahasa Melayu. Lampiran 3 adalah bukan satu dokumen yang berupa ekshibit yang boleh digunakan dalam Bahasa Inggeris (sila lihat syarat kepada A 92 k 1 KMT di atas). Dengan terteranya perkataan 'hendaklah' dalam kaedah di atas, maka ianya menjadi suatu peruntukan yang mandatori untuk dipatuhi. Kegagalan mematuhi peruntukan kaedah tersebut mengakibatkan 'notice of motion' itu terbatal.

Pemfailan 'notice of motion' ini dalam Bahasa Inggeris bukan sahaja menyalahi A 92 k 1 KMT malah ia juga melanggar s 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 ('Akta tersebut') yang memperuntukkan:

> Segala prosiding (selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan:
>
> Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu (selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris.

Penggunaan Bahasa Melayu di mahkamah tidak boleh dipermudahkan dan diambil ringan. Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahasa kebangsaaan negara ialah Bahasa Melayu (Perkara 152). Dengan peruntukan undang-undang di atas, maka keraguan atas penggunaan Bahasa Melayu dalam prosiding mahkamah tidak boleh dipersoalkan lagi. Jadi, penggunaannya hendaklah dilaksanakan dengan ketatnya oleh semua pihak. Mahkamah hendaklah memainkan peranannya dengan melaksanakan kuasanya dengan sewajarnya. Kaedah-kaedah Mahkamah termasuk A 92 k 1 adalah digubal bukan untuk hiasan tetapi untuk dipatuhi supaya prosiding di mahkamah dapat berjalan dengan sempurna. Ketakpatuhan kepada peraturan atau kaedah-kaedah mahkamah akan membawa prosiding di mahkamah menjadi kelam kabut (*Sykt Telekom Malaysia Bhd v Business Chinese Directory Sdn Bhd* [1994] 2 MLJ 420; [1993] 3 CLJ 629).

Permohonan melalui notis usul bukan suatu perkara yang susah atau rumit untuk dibuat dalam Bahasa Melayu. Dalam kes ini, 'notice of motion' sengaja dibuat dan difailkan bersekali dengan afidavit serta pernyataan dalam Bahasa Inggeris tanpa memperdulikan peruntukan A 92 k l KMT, Akta tersebut dan Perlembagaan Persekutuan. Tidak ada sebab mengapa permohonan ini tidak boleh dibuat dalam Bahasa Melayu. Teks yang sahih ialah teks dalam Bahasa Melayu. Sekiranya mahkamah tidak berwaspada dan bertindak dari awal, sudah tentu lampiran 3 ini akan 'terlepas' dan pendengaran permohonan diteruskan tanpa mematuhi kaedah tersebut. Ketakpatuhan undang-undang tidak boleh dibiarkan. Permohonan di lampiran 3 adalah sungguh tidak teratur dan ia tidak boleh diterima dan dipertimbangkan oleh mahkamah sama sekali.

Oleh yang demikian, atas alasan-alasan di atas, maka saya tidak ada pilihan, melainkan membatalkan 'notice of motion' itu tanpa kos.

Notis usul dibatalkan.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar